

MyWiFi NETWORKS

Start Free Trial

Launch Your White Label WiFi Marketing Platform



MyAQSA akan bantu ICC dakwa Israel atas kekejamannya



Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Februari 6, 2021 @ 7:11pm
mohd_iskandar@bh.com.my



Suwardi (tengah) bersama pasukan MyAQSA ketika melakukan kunjungan ke ICC pada Mei, 2019. Foto MyAQSA

KUALA LUMPUR: Yayasan MyAQSA (MyAQSA) akan terus membantu pihak Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) supaya pendakwaan dan penghukuman ke atas Israel benar-benar dapat direalisasikan.

Pengerusinya, Suwardi Yaacob, berkata banyak lagi tindakan susulan dan inisiatif penting lain yang sedang dan akan diusahakan.

Menyambut baik keputusan ICC yang mengiktiraf Palestin sebagai Pihak Negara kepada Statut Rom, beliau berkata, MyAQSA terbabit secara langsung di dalam kes ini sebagai Amicus Curiae.

Katanya, ICC turut memutuskan bahawa mahkamah terbabit memiliki bidang kuasa untuk membicarakan kes jenayah Israel terhadap Palestin, khususnya di Tebing Barat dan Gaza.

TERKINI PILIHAN PEMBACA

- 12m Kurang permintaan ketika PKP antara faktor pengaruhi kenaikan harga sayur
- 15m PPS galakkan AGM dalam talian, sidang video
- 19m J&T mohon maaf isu pekerja mogok
- 39m SOP sambutan Tahun Baharu Cina ditambah baik
- 43m 59 hadir majlis pengebumian di Beluru, Miri, positif COVID-19
- 52m Pasukan masa depan terus 'disuntik' DNA Selangor
- 1h Polis tahan 789 individu ingkar PKP
- 1h Agong zahir ucapan tahniah kepada Nur Athirah, Putera Aiman



DISYORKAN UNTUK ANDA

- Malaysia terus sokong perjuangan rakyat Palestin
- Dakwa Israel di ICC pembelaan terhadap Palestin
- MyAQSA fail tuntutan terhadap Israel di ICC
- Tanpa Statut Rom Malaysia masih boleh berperanan isu antarabangsa

"Selepas hampir setahun pasukan perundangan MyAQSA mengemukakan hujah kepada Pre-Trial Chamber ICC, akhirnya semalam tiga hakim ICC membuat keputusan yang amat bersejarah kepada perjuangan panjang rakyat Palestin dan umat Islam seluruhnya.

"MyAQSA amat berbangga apabila mendapati sebahagian dari hujah kami diterima dan dijadikan asas dalam penghakiman terbabit," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.



Suwardi berkata, dengan keputusan itu, pendakwa raya ICC sudah boleh memulakan, menyiapkan dan melengkapkan siasatan ke atas jenayah dilakukan rejim Israel ke atas rakyat Palestin berdasarkan pelbagai laporan serta bukti dikemukakan.

Katanya, MyAQSA sendiri sudah mengemukakan laporan serta bukti berkaitan kepada pejabat pendakwa raya ICC sejak tahun 2018, selain pasukan perundangannya turut turun padang di sekitar Baitulmaqdis dan merekodkan keterangan lebih 30 saksi pada tahun 2019.

"Dengan keputusan ini ICC mengesahkan bahawa tanah yang diduduki secara haram oleh rejim Israel adalah kepunyaan Palestin selain mengiktiraf Palestin sebagai negara yang mempunyai segala hak yang sah di bawah Statut Rom.

"Dengan keputusan ini juga menjadikan ICC satu lagi badan antarabangsa yang mengiktiraf hak 'self-determination' rakyat Palestin selain Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Majlis Keselamatan PBB dan Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Ini adalah satu perkembangan undang-undang antarabangsa yang amat besar," katanya.

Justeru, MyAQSA merakamkan penghargaan kepada semua pihak terutama bantuan dan sokongan yang diberikan kerajaan, Wisma Putra, Pihak Berkuasa Palestin dan Kedutaan Palestin di Malaysia.



TRENDING



NASIONAL 20 minit yang lepas
J&T mohon maaf isu pekerja mogok



NASIONAL sejam yang lepas
Agong zahir ucapan tahniah kepada Nur Athirah, Putera Aliman



NASIONAL 2 jam yang lepas
3,731 jangkitan baharu, 15 kematian akibat COVID-19 hari ini



NASIONAL 2 jam yang lepas
JPPM siasat kes mogok pekerja syarikat penghantar barangan



LAIN-LAIN (HUJUNG MINGGU) 9 jam yang lepas
Kebumikan mayat disimpan hampir 40 tahun



BERITA BERKAITAN



KOMENTAR
 Mei 17, 2019 @ 11:00am
MyAQSA teruskan inisiatif di ICC



NASIONAL
 Mei 21, 2019 @ 1:20pm
Pendakwaan secara formal terhadap Israel beberapa bulan lagi - MyAQSA



NASIONAL
 Okt 23, 2019 @ 2:28pm
MyAQSA kumpul bukti, keterangan untuk dakwa Israel di ICC




KOLUMNIS
 Apr 5, 2019 @ 11:00am
Pendakwaan Israel uji keadilan ICC

Disyorkan untuk anda



Stay Safe, Stay Home **Outbrain**



PINK N' PROPER
Basic Ruffle V
Neck Swimsuit


RM 120 - Ruffled neckline
ribbed swimsuit- V neckline-...
Zalora

[SHOP >](#)



Sell your car in 24 hours,
instant payment, no
paperwork.

Carsome.my



Dwayne 'The Rock'
Johnson Picks Up \$9.5
Million Georgia Farm

Mansion Global



COVID-19 pushed
aviation industry to brink
of collapse. Is the era of
flying over?

CNA - In Conversation

[Watch More](#)



International Dating Site
With Thousands Of
Singles

ChinaLove.com



See what full mouth
dental implants may cost
you

Dental Implants | Search Ads



Diabetics: Here's How to
Lower Blood Sugar (It's
Genius!)

protechmarket.club



Kuala Lumpur: Get Unsold
cars from 2019 For A
Fraction of Their Value

New Cars | Search Ads



IKUTI KAMI DI:



BERITA
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

SUKAN
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA
WANITA
HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA
Foto
BHTV
Infografik

LANGGAN
Akhbar Digital
Akhbar BH

PERKHIDMATAN
Iklan Web
TKlassifieds
NSTP KLIK